



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI KHAMIS, 19HB., SYAABAN 1445 / 29HB., FEBRUARI 2024
(HARI KETIGA)**

1. Doa Selamat.

2. PERKARA VI - RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN 2024/2025

- 2.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membentangkan kenyataan mukadimah **"Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025"** yang merangkumi perancangan-perancangan dan hala tuju bagi peruntukan kewangan negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dengan mengekalkan tema **"Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur (Building a Prosperous Future Together)"**. Rang Undang-Undang bertujuan untuk membolehkan pengeluaran sebanyak BND 6,250,000,000 dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025, dan untuk memperuntukannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual;
- 2.2. Tumpuan belanjawan Kerajaan akan dijuruskan kepada 3 fokus utama iaitu:
- i. Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam;
 - ii. Memupuk Kepelbagaian Ekonomi Yang Mampan; dan
 - iii. Pembangunan Modal Insan Yang Dinamik dan Berwawasan.
- 2.3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam pembentangan mukadimah **"Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025"** telah mengongsikan mengenai prestasi ekonomi Negara Brunei Darussalam

yang telah menunjukkan pertumbuhan positif pada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 1.4% iaitu dengan kadar peningkatan sebanyak 4.5% dari sektor bukan minyak dan gas dan kadar yang didorong oleh beberapa subsektor seperti kewangan, pengangkutan udara, pembinaan. Ekonomi negara telah diunjurkan akan berkembang pada kadar 2.4% oleh ASEAN+3 *Macroeconomic Research Office* (AMRO), 2.5% *Asian Development Bank* (ADB) dan 3.5% *International Monetary Fund* (IMF) bagi tahun 2024.

- 2.4. Walaupun demikian, penglibatan berterusan daripada pihak sektor swasta termasuk pelaburan strategik melalui sektor minyak dan gas adalah berfungsi dalam menyumbang kepada ekonomi negara KDNK dan juga *Pelaburan Langsung Asing* (FDI) berfungsi menghasilkan kesan *multiplier effect* dan dijadikan landasan membina kepakaran warga tempatan atau *transfer of knowledge* melalui latihan dan pendedahan disiplin termasuk bidang teknikal, komersial dan pengurusan bagi membantu mengurangkan kebergantungan kepada import.
- 2.5. Dalam pembentangan mukadimah tersebut, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga telah mengongsikan inisiatif-inisiatif kerajaan dalam mendokong 3 fokus utama termasuk pembinaan janakuasa *combined cycle* dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN-12), pembekalan air bersih yang lebih efektif dan dipercayai, menyediakan perumahan yang berkualiti, memanfaatkan teknologi-teknologi digital, pengukuhan sistem kesihatan negara, menangani isu perubahan iklim dalam ke arah *net zero emissions*, pembangunan tapak tenaga solar, meningkatkan pengeluaran domestik, merangsang pertumbuhan dalam sektor pertanian, mengembangkan sektor pelancongan dan perdagangan antarabangsa, memperkembangkan infrastruktur rangkaian dan penyelesaian inovatif, membina asas ekonomi digital, meningkatkan akses kepada rakan kongsi antarabangsa dan pasaran baru, mendukung sistem pendidikan berkualiti tinggi, dan mengukuhkan infrastruktur pendidikan.
- 2.6. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang yang dibentangkan tersebut.

[MAJLIS MESUARAT DITANGGUHKAN DAN MESUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 2.30 PETANG]

- 2.7. Mesyuarat telah menyambung bagi membincangkan Perkara VI - Rang Undang-Undang yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II iaitu **“Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025”**.
- 2.8. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah membukakan bagi perbahasan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan 2024/2025 dan beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah ikut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang tersebut, iaitu:
- i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;
 - Memohon pencerahan sama ada jumlah *capital expenditure* yang diperuntukkan dalam RKN-12 difikirkan mencukupi dan dapat menampung sasaran pertumbuhan yang diunjurkan oleh *AMRO* pada tahun ini dan samaada ia akan membantu negara mencapai tahap sebagai sebuah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan seperti yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035;
 - Ingin mengetahui adakah peruntukan yang disediakan dalam RKN-12 akan dapat memperbaiki lagi kedudukan *Human Development Index* Negara yang disasarkan dalam *Sustainable Development Goals*;
 - Memohon pencerahan apakah langkah-langkah strategik kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain dalam Kerajaan dalam mensejajarkan kemajuan *hardware digitalisation* dengan perkembangan *software* dari segi mengadakan *change management* dan *capacity building* yang bukan hanya bagi pegawai-pegawai yang terlibat tetapi juga bagi

penuntut-penuntut agar menjadi *future-ready* dan *industry-ready* dalam memupuk dan membentuk penuntut-penuntut yang berfikiran holistik dan strategik;

- Ingin mengetahui langkah-langkah strategik Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Brunei Darussalam Central Bank untuk memperbanyakkan penglibatan sektor perbankan tempatan untuk mengembangkan ekosistem perniagaan di negara ini.

ii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;

- Mengharapkan belanjawan menyasarkan perkara-perkara strategik antaranya membangunkan ekosistem yang kondusif untuk perniagaan inklusif di Negara Brunei Darussalam termasuk menggalakkan bentuk baru *public-private partnership*;
- Menyeru pihak Kerajaan dalam menjalankan peranan kaedah menang-menang yang memberikan keuntungan kepada semua pihak sebagai pemudah cara sektor swasta melaksanakan program perniagaan inklusif atau perniagaan sosial bagi memacu pertumbuhan ekonomi rakyat;
- Telah menyarankan melihat kesesuaian aspek soal ekosistem tempat-tempat perniagaan termasuklah lokasi yang strategik, kemudahan infrastruktur di samping reka bentuk yang menarik dalam mewujudkan prasarana perniagaan yang kondusif dan perlunya menaiktarafkan bangunan perniagaan ataupun tapak-tapak perindustrian.

iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;

- Memohon pencerahan adakah pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga akan dikongsikan dan diberigakan kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain dan bukan sahaja di peringkat Majlis Mesyuarat Negara;

- Menyoalkan jika Kementerian Kewangan dan Ekonomi mempunyai mekanisma pemantauan prestasi setiap belanjawan Kementerian agar belanjawan setiap kementerian dapat dipantau dan disejajarkan dengan tindakan kementerian yang berkaitan bagi membolehkan perancangan yang dilakukan mengikut jadual dan saling menyokong;
 - Menyoalkan kaedah Kementerian Kewangan dan Ekonomi mewujudkan situasi *multiplier effect* bagi membolehkan kementerian lain mencapai sasarannya. Pelaburan infrastruktur bagi mendukung pembangunan ekonomi dan menyumbang kepada *business efficiency* dan mendatangkan *positive spillover* ke arah sektor lain.
- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
- Memohon pencerahan sekiranya terdapat peruntukan khusus yang berhubung kait dengan *research and development* untuk merangsang pertumbuhan ekonomi untuk mencapai Wawasan Brunei 2035;
 - Menyarankan untuk bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan menghadapi risiko-risiko yang boleh merencatkan perancangan dan pengeluaran produk;
 - Memohon pencerahan bagaimanakah isu-isu sosial seperti kemiskinan dan masalah pengangguran akan ditangani oleh pihak kementerian;
 - Mengharapkan inisiatif-inisiatif serta pelan tindakan setiap kementerian dilaksanakan dengan bertanggungjawab, berintegriti dan penuh komitmen dengan menggunakan *Whole of Nation Approach* supaya dapat mencapai objektif yang ditentukan dan mencapai Wawasan Brunei 2035.
- v. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
- Menyentuh mengenai Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) mengenai kelambatan proses permohonan

- bersama agensi berkenaan dan menyeru agar keutamaan perlu diberikan dalam mendapatkan akses yang mencukupi terutamanya berkenaan status permohonan;
- Mencadangkan bagi pihak berkuasa tempatan seperti ketua kampong sebagai penyelaras maklumat agar mempercepatkan proses yang diperlukan dengan lebih baik dan efisien, memperbaiki *transparency* saluran komunikasi.
- vi. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
- Mengharapkan agar pelan transformasi *digitisation* dan *digitalisation* diberi penilaian seimbang terhadap semua pihak di dalam jabatan-jabatan serta orang awam;
 - Mencadangkan penggunaan *league table* untuk membuat sistem teknologi digital lebih telus dan mempermudahkan cara kerja dengan efisien;
 - Menggalakkan pelancongan Islam yang lebih aktif dengan mempromosikan infrastruktur pelancongan Islam seperti masjid-masjid dan Balai Khazanah yang menggambarkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB);
 - Mencadangkan untuk memperluaskan senarai produk tempatan dengan harga yang berpatutan bagi rakyat jelata;
 - Menyeru bagi mempercepatkan projek *renewable energy* yang diselenggarakan oleh Jabatan Tenaga;
 - Mencadangkan bagi setiap pelaksanaan projek-projek dibawah Belanjawan 2024/2025 mempunyai *Key Performance Indicator* (KPI);
- vii. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee;
- Ingin memahami *Return on Investment* (ROI) yang diharapkan daripada inisiatif transformasi digital;
 - Menyoalkan apakah unjuran sumbangan inisiatif transformasi digital kepada *Gross Domestic Product* (GDP) atau indikator ekonomi utama yang lain.

- viii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
- Memohon pencerahan mengenai *budget deficit* dalam mengenal pasti mana-mana inisiatif dan juga *action plan* yang bertujuan bagi mengurangkan jurang *budget deficit* tanpa mengurangkan belanjawan dalam pelaksanaan projek;
 - Mensyorkan supaya ada sasaran pekerjaan baharu untuk dimasukkan bagi setiap inisiatif projek kerajaan dibawah RKN-12;
 - Memohonkan pencerahan sekiranya terdapat peruntukan untuk membina prasarana sukan bagi menjadikan penglibatan rakyat dalam sukan bukan sahaja sebagai satu *viable alternative of employment*, tetapi berpotensi untuk memajukan, mempromosikan sebagai menjana ekonomi dalam industri pelancongan sukan.
- ix. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin
- Memohon pencerahan mengenai usaha-usaha bagi menguatkan *Pelaburan Langsung Asing* (FDI) yang ada pada masa ini yang mempunyai hubungan dengan *Syarikat Berkaitan Kerajaan* (GLC).
- 2.9. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah menjawab secara ringkas perkara-perkara yang telah diketengahkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.
- 2.10. Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan 2024/2025 telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat.

[MAJLIS MESUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SABTU, 02HB., MAC 2024 PUKUL 9.30 PAGI]
